



PETA KONSEP

TINGKATAN 4

Pilihan Raya

Perkembangan Pilihan Raya di Persekutuan Tanah Melayu

- Pilihan raya majlis perbandaran yang pertama diadakan di George Town, Pulau Pinang pada tahun 1951.
- Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur diadakan pada bulan Februari 1952.
- Pilihan raya majlis perbandaran seterusnya diadakan pada peringkat bandar, iaitu Johor Bahru, Ipoh, Alor Setar, Melaka dan Seremban.

Pada tahun 1954, pilihan raya peringkat negeri diadakan.

Proses Pilihan Raya Umum Pertama

Proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955

- Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan dan membentuk 52 kawasan pilihan raya pada 26 April 1954.
- Rang undang-undang diluluskan memboleh pilihan raya diadakan pada bulan Ogos 1954.
- Pendaftaran pengundi bermula di seluruh Tanah Melayu pada 18 Oktober 1954 dan di Terengganu pada 29 Oktober 1954.
- Penamaan calon pada 15 Jun 1955.
- Kempen pilihan raya selama 45 hari.
- Hari mengundi pada 27 Julai 1955.
- Peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi dan proses pengiraan undi dilakukan.
- Pengumuman keputusan.

Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan

Kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan

- Kerajaan diketuai oleh Tunku Abdul Rahman (Ketua Menteri).
- Proses pertukaran berlaku secara berperingkat dan mengambil masa.
- Kuasa pegawai British kini dipindahkan kepada rakyat tempatan.
- Kejayaan Kerajaan Persekutuan yang dibentuk dan dipimpin oleh rakyat tempatan, manakala ahlinya dipilih oleh rakyat.

Peranan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu

- Membincangkan soal kewangan dan keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam.
- Menyambung sistem yang digunakan dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan yang berasaskan Model Westminster.
- Mengurangkan kuasa pentadbiran British.
- Meminta Kuasa Veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan.
- Membincangkan isu keselamatan dalam negeri dan pertahanan.